



DATUK BANDAR BOGOTA *lawat* PPR JELATEK

Datuk Bandar Bogota, Republik Colombia, H. E. Enrique Penalosa Londono dan rombongan yang berada di negara ini untuk lawatan selama empat hari berkesempatan berkunjung ke PPR Jelatek. Kunjungan beliau berdua selama tiga jam itu diiringi Duta Republik Colombia ke Malaysia, H. E. Arturo Infante Villarreal dan

disambut oleh Timbalan Ketua Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan merangkap Pengarah Jabatan Pengurusan Perumahan, Puan Halijah Othman serta pegawai-pegawai kanan DBKL.

Rombongan Bogota itu berkunjung ke PPR Jelatek dengan menaiki LRT Putra dari Stesen Masjid Jamek dan turun di Stesen Putra Jelatek.

Pasangan datuk bandar itu yang membawa penuh minat dan ramah mesra dengan pegawai-pegawai kanan DBKL. Mereka berpeluang beramah mesra dengan Jiran Wanita Rukun Tetangga melihat kemajuan kelas ibu peribadi dan melawat rumah penghuni unit 09-01-10, PPR Jelatek, Enik Nazir Mohamed Zin dan keluarga.



H.E. Enrique Penalosa Londono dan H.E. Arturo Infante Villarreal (tiga dari kiri) melawat rumah En. Nazir Mohamed Zin, Puan Hajjah Halijah Othman (satu dari kiri)

Hubungan antara Kuala Lumpur dan Bogota kian erat. Bogota bukan asing bagi Kuala Lumpur dengan hubungan dagang yang merangsangkan bagi memasarkan barangan ke Colombia dan Amerika Selatan. Negara itu membantu rakyat negara ini dalam aspek teknikal dan latihan. Lawatan rombongan Bogota itu berjaya mengukuhkan perhubungan kedua bandar raya dan perdagangan.



Ketibaan H.E. Enrique Penalosa Londono (baju putih) dan H.E. Arturo Infante Villarreal disambut oleh Jiran Wanita Rukun Tetangga PPR Jelatek

DARI MEJA PENGARAH

SEMANGAT KEJIRANAN SANDARAN WARGA RUMAH PANGSA

Malaysia merupakan sebuah negara masyarakat berbilang kaum dan agama. Penghuni perumahan awam DBKL datang dari latar belakang yang berbeza, antaranya bekas penghuni setinggan dan luar bandar dari seluruh negara. Mereka mengamalkan gaya hidup yang berbeza. Namun semangat kejiranan kekal sebagai budaya dan ikatan yang abadi. Kerjasama dan persafahaman merupakan hubungan dua hala antara jiran tetangga.

Kehidupan di bandar terutama di perumahan awam DBKL agak berbeza, jiran merupakan orang yang terdekat, berbanding di kampung yang dikelilingi adik beradik dan sanak saudara. Jiran akan tampil dan mudah memberi pertolongan sewaktu kesusahan. Sikap mementingkan diri, ibarat enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing, tidak sesuai diamalkan dalam masyarakat timur. Pada hakikatnya tidak ada manusia yang boleh hidup sendirian.

Semangat kejiranan boleh dipupuk melalui projek gotong royong seperti membersihkan kawasan perumahan, padang permainan kanak-kanak, surau atau sekolah yang berhampiran tempat tinggal. Setiap individu perlu ditanamkan perasaan setiakawan dan muhibah. Segala krisis dan konflik yang melibatkan kaum atau jiran dapat diselesaikan dengan cepat dan sempurna.

Masyarakat boleh menjalankan pelbagai aktiviti melalui pertubuhan sukarela. Kanak-kanak didedahkan pentingnya semangat kejiranan di samping pelbagai kursus diperkenalkan seperti, kemah remaja dan motivasi. Dengan adanya semangat kejiranan dapat elakkan kejadian vandalisma, kecurian, penderaan kanak-kanak atau isteri, menghapuskan perasaan syak wasangka dan sebagainya.

Sebagai warga rumah pangsa, ada kewajarannya masing-masing perlu memainkan peranan yang positif dalam kesatuan dan kemasyarakatan. Banyak projek dapat dilaksanakan dengan baik dan berjalan lancar mengikut kesesuaian setempat. Apabila masyarakat bersatu dan harmoni, hasilnya sudah pasti negara aman, maju dan makmur.


Semua kaum perlu mengiktiraf mengenai pentingnya kerjasama dan semangat kejiranan untuk kelangsungan hidup sebuah negara berbilang kaum seperti Malaysia. Kestabilan masyarakat akan terjejas jika masing-masing hanya mementingkan diri sendiri atau kelompok masing-masing sahaja. Perpaduan dan semangat kejiranan penting dalam mencapai dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan pembentukan semangat sayangkan negara.

Jika dibandingkan dengan negara luar Malaysia dianggap sebuah negara yang paling bertuah kerana kebijaksanaan para pemimpinnya. Di negara lain krisis dan konflik sering melanda yang mengorbankan ribuan nyawa rakyat yang tidak berdosa, ibu

kehilangan anak yang disayangi, kanak-kanak mati dalam kebuluran atau kekurangan perubatan. Ramai isteri menjadi janda dan anak-anak menjadi yatim piatu dengan nasib yang tidak menentu. Apa yang berlaku di negara luar itu perlu menjadi iktibar kepada kita semua. Segala perselisihan pendapat yang berbeza perlu diselesaikan di meja perundingan.



PUAN HAJJAH HALIJAH OTHMAN
Timbalan Ketua Pengarah
Pentadbiran dan Perkhidmatan DBKL



Datuk Noordin Abd. Razak

DADAH

Cegah Awal Sebelum Parah

mengancam kestabilan politik, ekonomi dan sosial dalam masyarakat dan negara.

“Usaha atau inisiatif ini merupakan satu pendekatan yang bertujuan mewujudkan satu kesedaran yang menyeluruh di semua peringkat penghuni sama ada remaja, masih bersekolah dan golongan dewasa. Justeru itu, program dan inisiatif yang dijalankan ini sebagai satu pendekatan dan tanggungjawab bersama dalam menjaga keselamatan dan keharmonian di kawasan kediaman rumah pangsa,” ujar beliau.

Beliau memberitahu, penagihan najis dadah ini dapat dicegah atau dihalang sekiranya setiap individu dan semua peringkat masyarakat bekerjasama dan berganding bahu sebagai satu pasukan dan seterusnya bergerak mencegah wabak ini secara habis-habisan. Masing-masing boleh memainkan peranan yang sihat dan tidak mementingkan diri dan keluarga sendiri semata-mata dalam mengejar kehidupan ini.

Menurutnya, masalah penagihan dadah ini mestilah dibendung secara bersama sekiranya kita ingin melihat dan melahirkan generasi baru yang sihat dan cergas. Sekiranya masyarakat diabaikan bahaya dadah, kita juga turut terancam dan menerima perka yang dibawa oleh dadah. Mereka sanggup melakukan apa sahaja untuk dapatkan bekalan dadah, tidak mustahil satu hari nanti mereka menceroi rumah kita dan merosakkan harta benda serta nyawa kita.

Beliau meminta kerjasama persatuan penduduk, ketua-ketua blok dan penjaga-penjaga angkat supaya lebih bertanggung-

jawab dan memainkan peranan penting dalam masyarakat untuk sama-sama membantu memerangi masalah penagihan dadah yang semakin serius. Kegiatan menagih dadah ini tidak boleh dibiarkan dan dipandang ringan kerana masyarakat dan negara boleh hancur akibat perbuatan mereka.

Beliau berharap penghuni-penghuni Perumahan Awam dapat memberikan kerjasama melalui aktiviti sosial yang sihat yang dirancang sama ada oleh DBKL atau badan bukan kerajaan (NGO). Hidup ini bagai aur dengan tebing, saling bergantung antara satu sama lain. Sekiranya buluh hanya mementingkan diri, tebing akan runtuh akibat hakisan air dan akhirnya rumpun buluh itu akan tersungkur ke dalam sungai menyembah bumi.

Isu atau masalah dadah merupakan isu yang amat penting dan perlu diberi perhatian oleh semua pihak bagi membolehkan masalah ini diselesaikan secara bersama dan lebih berkesan. Dikatakan kira-kira 5,000 penagih dadah aktif terdapat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan rumah pangsa merupakan antara tempat yang menjadi sasaran mereka. Jika tidak dibanteras sejak awal-awal lagi kehidupan di rumah pangsa akan hancur dan generasi baru tidak dapat lari daripada bencana dadah yang merosakkan itu.

Majlis yang berlangsung di Dewan Komplek Belia, Km. 6 Jalan Ceras itu dianjurkan oleh Jabatan Pengurusan Perumahan dengan kerjasama Agensi Dadah Kebangsaan, PEMADAM, PENGASIH dan persatuan penduduk.

Dalam menghadapi masalah penagihan dadah di kalangan remaja, mencegah lebih awal sebelum parah perlu menjadi pegangan masyarakat atau warga flet. Jangan biarkan nasi menjadi bubur kerana akibatnya amat parah dan memusnahkan bukan sahaja mereka yang terlibat, malah orang lain. Tindakan penguatkuasaan dan siri ceramah anti dadah yang diatur di setiap zon perumahan selaras dengan konsep atau falsafah mencegah sejak awal lebih baik sebelum terlambat daripada memberikan ubat atau dalam bahasa Inggerisnya prevention is better than cure.

Apabila seseorang remaja sudah terjebak dalam kancang penagihan najis dadah, agak sukar untuk pulih seperti sedia kala. Terlajak perahu boleh diundur, terlajak perbuatan akan menghisap dadah buruk padahnya kepada mereka yang terlibat. Bukan sahaja membawa padah buruk kepada dirinya, tetapi membawa bencana kepada keluarga dan masyarakat.

Bagai anau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing, sikap berpeluk tubuh, sikap tidak apa yang menjadi amalan segelintir masyarakat, akhirnya akan merosakkan masyarakat tersebut, jika dibiarkan berlanjutan. Masing-masing perlu memainkan peranan positif untuk melahirkan masyarakat yang sihat, sejahtera dan selamat.

Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Datuk Hj. Noordin Abdul Razak berkata demikian ketika merasmikan Majlis Ceramah, Pameran dan Forum Anti-Dadah di Perumahan Awam DBKL baru-baru ini.

Beliau berkata, dengan adanya ceramah-ceramah tersebut, mereka boleh disedarkan lebih awal betapa bahayanya penagihan najis dadah dan membantu mereka kembali ke pangkuan masyarakat sebagai warga yang sihat dan produktif. Mereka diberikan bimbingan dan landasan yang positif dalam menjakani kehidupan ini yang penuh dengan onak dan duri cabaran.

Katanya, tujuan program ini untuk memberi kesedaran kepada penghuni-penghuni Perumahan Awam DBKL. Masalah penagihan dadah ini sekiranya tidak dibendung lebih awal ia boleh merosakkan keharmonian keluarga, mengancam keselamatan dan kesejahteraan orang lain. Perbuatan yang tidak sihat itu secara tidak langsung akan



Kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam pertandingan melukis sempena ceramah, pameran dan Forum Anti Dadah Peringkat Kebangsaan Tahun 2000 di Kompleks Belia, Cheras

API kecil menjadi kawan

Api apabila kecil menjadi kawan, bila besar menjadi lawan. Menyedari hakikat ini, Jabatan Pengurusan Perumahan DBKL telah mengadakan Kursus Pencegahan Kebakaran kepada para Penjaga Angkat Kemudahan Awam di keempat-empat zon.

Kursus jangka pendek ini dijalankan dengan kerjasama Bahagian Latihan Dan Perancangan Tenaga Manusia, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.


Objektif kursus, menurut Pengurus Zon I, Encik Azman Aziz yang juga merupakan Penyelaras Kursus untuk mendedahkan para Penjaga Angkat kepada asas-asas pencegahan dan pengawalan kebakaran di kawasan perumahan awam DBKL.

Menurutnya, kursus itu dapat mewujudkan kesedaran betapa pentingnya peranan para Penjaga Angkat Kemudahan Awam bagi memastikan alat bantu mula bomba berada dalam keadaan sempurna dan terjaga. Selain itu ia juga dapat menimbulkan kesedaran untuk mewujudkan persekitaran kawasan perumahan yang selesa dan selamat bagi penghuni.

Kursus itu telah dijalankan sebanyak enam siri dan diadakan di Sri Selangor, Dewan Komplek Belia, Cheras, TAR II & III dan PPR Gombak Setia.

Para Penjaga Angkat yang mengikuti kursus separuh hari ini diberi penerangan dan pengenalan oleh Pegawai Bomba, Encik Rahim b. Omar mengenai Asas Sains Kebakaran, Pencegahan Dan Memadamkan Kebakaran, tayangan video, taklimat dan latihan amali memadamkan kebakaran menggunakan alat pemadam api (fire extinguisher) dan alat bantu mula bomba (hose reel).

Dalam satu majlis perasmian kursus ini, Penolong Pengarah, Haji Mohd Yunus Hj. Jalaludin dalam ucapannya berharap agar para



Taklimat cara-cara memadamkan kebakaran oleh Pegawai Bomba, En. Rahim Omar

penjaga angkat dapat memaklumkan apa jua kerosakkan yang berlaku ke pejabat-pejabat kecil atau zon kawasan masing-masing supaya tindakan dapat diambil untuk diperbaiki dengan kadar segera. Kemungkinan kerosakkan itu kecil jika dibiarkan tetapi ia boleh membahayakan dan menyebabkan kehilangan nyawa para penghuni.

Seorang peserta yang dikenali sebagai Encik Abdul Jabbar bin Latif, memberitahu, terdapat seorang penghuni yang lalai dan tidak ambil tahu tentang kebakaran dan keselamatan. Mereka membiarkan masakan di atas tungku dapur yang menyala, tetapi dia bersembang dengan kawan-kawan di koridor. Dalam proses itu bersebelahan, mereka lupa dapur yang menyala, akhirnya berlaku kebakaran di unit. Jika lambat diambil tindakan, kebakaran itu boleh merebak ke tempat lain dan mengorbankan nyawa manusia.

“Langsir-tingkap juga boleh menjadi punca kebakaran. Langsir yang panjang itu mudah terbakar apabila terkena api dapur atau colok Cina sembahyang. Kes ini pernah berlaku dan menimbulkan huru hara kepada jiran-jiran. Dengan adanya kursus ini ia dapat meningkatkan kesedaran betapa pentingnya bahaya api dan kelalaian penghuni itu boleh mengorbankan harta benda dan nyawa manusia,” ujar beliau lagi.

Katanya, dengan ilmu dan pengalaman yang dapat ditimba dalam kursus ini, bukan sahaja untuk kegunaan sendiri, malah boleh berkongsi dengan jiran tetangga dan penghuni rumah pangsa. Masing-masing perlu bekerjasama dan memainkan peranan dalam mencegah kebakaran. Mereka perlu disedarkan betapa bahayanya kebakaran di bangunan tinggi seperti rumah pangsa. Kalau terbakar, mangsa bukan boleh terjun melalui tingkap begitu sahaja terutama bagi mereka yang tinggal di tingkat tinggi seperti tingkat 10 hingga 16.



Pegawai Bomba, Encik Rahim Omar menunjukkan latihan amali memadamkan kebakaran menggunakan alat pemadam api (fire extinguisher)

BERITA RUMAH KITA

Penasihat

Hajjah Halijah bt Othman

Ketua Editor

Haji Ayoub bin Hussin

Editor

Haji Omar bin Mohamad

Sub Editor

Wan Abdullah bin Wan Abd. Ghani

Wartawan

Ab Wahab bin Omar

Jurufoto

Ab Wahab bin Omar

Dolmat Md. Som

Pengedaran

Zurina bt Muda

Shamsidar bt Ibrahim

Tulisan yang tersiar dalam majalah

BERITA RUMAH KITA

tidak mesti menggambarkan fikiran

Jabatan Pengurusan Perumahan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Alamatkan surat menyurat kepada:

Editor

BERITA RUMAH KITA

JABATAN PENGURUSAN PERUMAHAN

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

No. 12, Jalan Tuanku Abdul Rahman,

Peti Surat 11022,

50100 Kuala Lumpur

Tel. No. 03-2938166 sambungan 282

Nombor Telefon DBKL

Ibu Pejabat Bangunan - 2916011

DBKL

Aduan Awam DBKL - 2934531

Hot Line (24 jam) - 2911686

Perumahan - 2912112

Bhg. Penguatkuasaan - 2938166

Perumahan smb. 125/126

Pej. Zon 1 - 9734513

Pej. Zon 2 - 2215505

Pej. Zon 3 - 4420340

Pej. Zon 4 - 6899563

Dicetak oleh:

Percetakan Nasional Malaysia Berhad,
Kuala Lumpur

“Para penghuni rumah pangsa harus tahu menggunakan alat bomba atau pemadam sebelum anggota bomba datang ke rumah kita ketika kebakaran berlaku. Api dalam masa dua atau tiga minit sahaja boleh membunuh manusia dan memusnahkan harta benda,” ujar beliau.

“Sebelum keluar rumah, bukan sahaja grill, tingkap dan daun pintu perlu dikunci, tetapi api di dapur sudah ditutup dan barang-barang elektrik seperti penggosok baju, televisyen tidak ditinggalkan dalam keadaan suis masih dibuka (switch on). Barangan elektrik ini boleh rosak dan menjadi punca kebakaran, jika kita lalai,” katanya.